



REKREASI PILIHAN

JIKA anda tidak kisah tidur beralaskan tilam yang empuk ketika menikmati percutian, konsep bermalam di dalam hutan memang sesuai dijadikan pilihan.

Masbro Hidden Village yang terletak di Lenggong, Perak telah membuktikan pendekatan sebegini berjaya memikat hati banyak pihak terutamanya penduduk bandar.

Selain di sana, carian *SinarPlus* mendapati terdapat beberapa destinasi menarik yang boleh dijadikan pilihan. Antaranya seperti:




CHALET BULUH KUALA MU

Alamat: Kampung Bersah, Sungai Siput, Perak

Waktu operasi: 24 jam

Pakej: RM60 semalam

Facebook: Pos Kuala Mu



Kepada yang berjiwa lasak dan pencinta alam sekitar, Masbro Hidden Village adalah pilihan terbaik dan lain daripada yang lain

Oleh ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KEPADA mereka yang berjiwa lasak dan gemarkan suasana di dalam hutan rimba, Masbro Hidden Village yang terletak di Lenggong, Perak antara destinasi percutian yang disyorkan.

Tiada tilam empuk dan hanya hamparan ambal sebagai alas tidur, namun halwa telinga para pengunjung akan bertemankan dengan suara alam yang pastinya menenangkan jiwa dan minda.

Bukan itu sahaja, deruan air terjun yang terletak berdekatan membuatkan sesiapa pun tidak sabar untuk bersiram. Jika tidak, terjun sahaja ke kolam mandi gergasi yang didirikan di tengah halaman kawasan penginapan.

Berkongsi keunikan Masbro Hidden Village berkeluasan 0.94 hektar itu, pemiliknya, Datuk Mas Faizil

Jalan-Jalan
Foto IHSAN DATUK MAS FAIZIL KHAN

sinarplus
Dominan Gaya Hidup

Bermalam di tengah hutan rimba

Khan Ali berkata, idea mendirikan penginapan tersebut tercetus selepas beliau mengunjungi sebuah percutian selesa dengan air mengalir di bawahnya ketika melancong ke luar negara suatu ketika dulu.

"Bermula dari saat itu, saya menyimpan impian untuk membuka satu destinasi percutian santai dan yang lain daripada lain.

"Maka, terhasillah idea untuk membina 29 chalet yang diperbuat daripada anyaman buluh dan beratapkan daun nipah yang menjadi identiti perkampungan Melayu asli yang tersembunyi di atas bukit," kongsi.

Mengulas lanjut, Mas Faizil berkata, disebabkan Masbro Hidden Village menerapkan konsep semula jadi, setiap kamar hanya dilengkapi dengan permaidani dan poin suis elektrik tanpa katil, bantal waima selimut.

Ujarnya, pendekatan sama turut diimplemenkan oleh pengusaha di beberapa negara Eropah.

"Namun, soal bilik air jangan susah hati kerana kami tawarkan servis lima bintang. Terdapat lapan bilik air lelaki dan lapan lagi untuk wanita," katanya yang juga pemilik Masbro Village Triangle House di Melaka.

Ujar anak jati Melaka itu lagi, tiada istilah sunyi pada malam hari di Masbro Hidden Village kerana pelbagai

TADOM HILL RESORT

Alamat: No. 2, Jalan Bukit Tadam, (Kampung Orang Asli) Kampung Labohan Dagang, Banting, Selangor

Waktu operasi: 9 pagi hingga 6.45 petang

Pakej: Bermula RM150

Facebook: Tadam Hill Resort



DE' NATIVE GUEST HOUSE CAMERON HIGHLAND

Alamat: Beau Vista Bungalow, No. 47, Jalan Tengkolok, Tanah Rata, Cameron Highland, Pahang

Waktu operasi: Sentiasa dibuka

Pakej: Bermula RM70

Facebook: De'Native Guest House, Cameron Highlands



BAMBOO VILLAGE KUALA LUMPUR

Alamat: Off Jalan Pelangi 5, Taman Desa Pelangi, Batu 11, Jalan Hulu Langat, Hulu Langat, Selangor

Waktu operasi: 2 petang (daftar masuk)

Pakej: Bermula RM120

Facebook: Bamboo Village Kuala Lumpur

Laman web: <https://bamboo-village.blogspot.com/>



KEMUDAHAN kolam gergasi menjadi tarikan buat pengunjung khususnya si cilik untuk bermandi-mandi selain pilihan air terjun berhampiran.



MASBRO HIDDEN VILLAGE

Alamat: Jalan TM Ladang Teh, Lenggong, Perak

Waktu operasi: 1 tengah hari (daftar masuk)

Pakej: Bermula RM30 (seorang) hingga RM50 (seorang)

Facebook: Masbro Hidden Village

Instagram: @masbrohiddenvillage_

CALET di Masbro Hidden Village yang diperbuat daripada anyaman buluh dan beratapkan daun nipah bakal memberikan pengalaman luar biasa khususnya kepada anak bandar.

aktiviti boleh dilakukan pengunjung. Antaranya seperti seperti berbarbeku, aktiviti persembahan pentas di samping berswafoto dengan bertelar belakangkan hiasan lampu berwarna-warni.

"Jika anda datang kena pada musim durian, kami akan ajak menikmati buah durian secara percuma di kebun kami yang terletak berdekatan dengan calet. Makanlah sampai puas," katanya.

Seperkara, jika terasa untuk berkhemah, tapak di tepi sungai juga disediakan. Pakej makanan boleh dibeli di kafe atau membuat tempahan masakan kampung daripada penduduk setempat.

"Dengan semua fasiliti yang ditawarkan, saya kira setiap daripada pengunjung akan menyimpan kenangan yang cukup mahal di sini khususnya buat mereka yang belum pernah bermalam di tengah hutan.

"Satu lagi, jangan bimbang soal nyamuk atau pacat, setakat ini belum ada lagi gangguan serangga tersebut. Ia mungkin disebabkan suhu yang sangat sejuk pada waktu malam," katanya memberikan jaminan. 